Esplanade Presents

# PESTA RAYA – FESTIVAL SENI MELAYU 2022

26 – 29 Mei 2022

www.esplanade.com/pestaraya




*Apa khabar*? How are you? Wow... it's been two years since we last met in person. That's two years of presenting *Pesta Raya – Malay Festival of Arts* digitally for us and two years of experiencing the festival online for you, our audience.

Finally, we get to meet in person and we are truly grateful for this opportunity to once again present *Pesta Raya* physically at Esplanade – Theatres on the Bay. Nothing beats the experience of having performers and artists in the same space and we are glad to be able to welcome you back to the centre for our 21st edition, which will take place from 26 – 29 May 2022.

It is also Esplanade's 20th anniversary this year and even as we look forward to the future, we take a moment to shine a focus on icons who have shaped our arts and entertainment scene. These include Singapore Malay music icons Jatt Ali, Hady Mirza and Sufi Rashid who will come together for *FENOMENA*, a one-night only concert presented under the umbrella of both *Pesta Raya* and *PopLore – A Year of Singapore Popular Music*; as well as veteran singer-songwriter Art Fazil who also marks his own milestone in a concert that celebrates the 20th anniversary of his award-winning album, *Nur*.

At the same time, we put a spotlight on the next generation of artists who are making their mark on the scene. In the Esplanade commission, *Kepaten Obor*, Suhaili Safari presents a multi-disciplinary one-woman performance that is a heartfelt monologue reflecting on the ties that bind grandparents and grandchildren. In *The Wrong Geng 2.0*, dance artist Norhaizad Adam playfully questions themes including gender and performance in this solo work. Popular Malaysian indie band, Kugiran Masdo, will bring the swinging '60s into Esplanade for their debut performance in Singapore.

And in *An Evening of Dikir – Teraju Tiga*, the Esplanade Concert Hall will come alive in one epic night of *dikir barat.* This tribute concert to Singapore's *dikir barat* scene will trace the art form's development through the years and be a celebration of the camaraderie between artists young and old.

Audiences beyond our shores and those in Singapore who want to experience *Pesta Raya* from the comfort of your homes can be entertained by our digital screenings. These include the premiere of the film *Pulang Balik* by Teater Ekamatra*,* which we had commissioned respected Singapore film director Sanif Olek to shoot; as well as a recording of the well-received concert *Tempoh* by OrkeStar Trio & Djangat, which was commissioned by Esplanade and presented live as part of *Pentas* series in October 2021. Lastly, look forward to commissioned short films by critically-acclaimed directors from Singapore and the region.

Reflecting on the journey we've taken and the challenges that we have been through, we are humbled to have the privilege to honour the Malay identity through myriad art forms. We thank you, our audience and supporters, for allowing us to share with you the wide variety of programmes that we had the opportunity to present over the years. We also thank The Silent Foundation for their kind support of the festival this year.

How we have missed seeing you all coming through our doors, dressed up to the nines, abuzz with excitement and with such an electric energy in the air. So come on down and don't miss the fun as we celebrate what we have overcome!

**Hanie Nadia Hamzah**
Producer, The Esplanade Co Ltd

**About Esplanade – Theatres on the Bay**

Esplanade is Singapore's national performing arts centre. It hosts a year-round line-up of about 3,500 live performances and activities presented by Esplanade, its partners and hirers. Esplanade also brings the arts virtually to audiences in Singapore and beyond, through its diverse range of digital programmes on *Esplanade Offstage*, an all-access backstage pass to the performing arts and guide to Singapore and Asian arts and culture, with videos, podcasts, articles, quizzes and resources.

As an arts centre for everyone, Esplanade also creates opportunities for seniors, youth, children and underserved communities to experience the arts. More than 70% of the shows that take place each year at the centre are free for all to enjoy.

The centre works in close partnership with local, regional and international artists to develop artistic capabilities and content, push artistic boundaries and engage audiences. Esplanade supports the creation of artistic content by commissioning and producing new Singapore and Asian work for the international stage. It also develops technical capabilities for the industry nationally.

Turning 20 in 2022, Esplanade marks the occasion with a year-long celebration themed *20 and Beyond: Keeping the Lights On*. In addition to the presentations of its year-long festivals, programme series, and special initiatives and events, there will also be a season of new works by Singapore and Asian artists specially commissioned for the arts centre's 20th anniversary and official opening of its newest venue, Singtel Waterfront Theatre.

Esplanade – Theatres on the Bay is operated by The Esplanade Co Ltd (TECL), which is a not-for-profit organisation, a registered Charity and an Institution of a Public Character. The Charity Council awarded TECL the Charity Governance Award – Special Commendation for Clarity of Strategy in 2016, and the Charity Transparency Award for four consecutive years since 2016. Esplanade is Singapore's first Dementia-Friendly Arts Venue and a certified Dementia Go-To Point, as well as a Guide-dog Friendly centre.

TECL receives funding support from Ministry of Culture, Community and Youth and its Community Programmes are supported by Tote Board Family, comprising Tote Board, Singapore Pools and Singapore Turf Club.

Visit Esplanade.com for more information.

~ End ~

Issued by *The Esplanade Co Ltd.*

For more information, please contact:

Koh Sian Eng
Senior Manager, Marketing (Communications & Content)
The Esplanade Co Ltd
Email: ksianeng@esplanade.com

Jeanne Toh
Manager, Marketing
The Esplanade Co Ltd
Email: tjeanne@esplanade.com

## Tentang Pesta Raya – Festival Seni Melayu

Raikan ikon dan khazanah masyarakat Melayu dalam kepelbagaian dan kekayaannya melalui teater, tarian, dan muzik Nusantara.
Bertepatan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri, edisi ke-21 P*esta Raya – Pesta Seni Melayu* akan berlangsung dari 26 – 29 Mei 2022 dengan rangkaian menarik dari kedua-dua program percuma dan bertiket.

## Program Bertiket

### FENOMENA

oleh Jatt Ali, Hady Mirza and Sufi Rashid (Singapore)
27 Mei 2022, Jumaat, 8mlm
Dewan Konsert Esplanade




Selami rasa nostalgia dan keakraban bersama ikon muzik Melayu Singapura, Jatt Ali, Hady Mirza dan Sufi Rashid! Tiga bintang ini akan disertai dengan penyanyi undangan seperti Rahila Rashun, Syamel dan Ernie Zakri dan ramai lagi.

Mula mencipta nama bersama band Black Dog Bone, Jatt Ali membuat penampilan menakjubkan di *Gegar Vaganza 2019*, meraih tempat ketiga. Saksikan beliau menggegarkan pentas dengan persembahannya, antaranya menyanyikan lagu hit Black Dog Bone, *Hati Ku Luka Lagi*. Juara *Gegar Vaganza 2019, p*enyanyi R&B, Hady Mirza, menyertai konsert sama.
Anda pasti terpesona dengan pemenang Singapore Idol ini yang bakal menyampaikan lagu Zainalabidin, *Hijau, serta* single terbarunya, *Cinta Sampai Disini*, antara lagu-lagu hit lain.
Dua veteran ini juga akan berkongsi pentas bersama Sufi Rashid, juara dan satu-satunya pemenang Singapura bagi rancangan realiti, *Akademi Fantasia,* yang telah merangkul tempat pertama pada 2015 dengan suara lunak dan penuh jiwa.
Penyanyi pop ini akan mempersembahkan lagu-lagu seperti *Sambutlah Kasih oleh* Lovehunters dan single aslinya, *Aku Sanggup.*

Ayuh, beramai-ramai menikmati malam penuh kemesraan dan meraikan perkembangan muzik popular Melayu setempat dengan penyanyi-penyanyi kesayangan ini!

Satu program *PopLore*, sempena meraikan ulang tahun ke-20 Esplanade. Terokai dan hayati semula perjalanan epik, bercerita dan menggembirakan generasi berbeza melalui budaya dan muzik popular Singapura.

(1jam 30minit, tanpa waktu rehat)
Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Tentang Artis**

Tahir Ali, juga dikenali sebagai Jatt, adalah seorang pemuzik, penyanyi utama dan pemain dram kumpulan Black Dog Bone. Band tersebut terdiri daripada pemain gitar, Izzar Masrom; pemain bes, Hamid Ahmad; pemain keyboard, Michael Heng, pemain seruling, James Chai; dan pemain trompet, Masron Ali. Selain memainkan cover muzik dari pelbagai genre, repertoir mereka termasuk lagu-lagu asli oleh penulis lirik Singapura, allahyarham Haron Abdul Majid dan penggubah lagu, Hashim Said (lebih dikenali sebagai S. Atan), serta muzik gubahan mereka sendiri. Album-album mereka laris dijual pada tahun 1970-an. Kini berpangkalan dari Malaysia, Jatt adalah salah seorang peserta dalam program muzik realiti Astro, *Gegar Vaganza*, pada 2019.
Hady Mirza, jejaka yang telah mendapat 70 peratus daripada sekitar sejuta undian dalam pertandingan *Singapore Idol*, juga merupakan juara *Asian Idol* dan juara pertandingan nyanyian televisyen Malaysia, *Gegar Vaganza 2019.* Ayuh, lihat Hady menyanyi secara langsung dan anda pasti terpikat dengan suara lunak R&B beliau serta personalitinya yang mempesonakan kian beliau mengalunkan suara buat peminatnya.
Sufi Rashid adalah warga Singapura pertama untuk memenangi pertandingan nyanyian realiti terbesar Astro, *Akademi Fantasia,* di Malaysia. Terkenal dengan lagu-lagu hit, *Tiada Pengganti* dan *Kasih Dua Muka*, single beliau, *Aku Sanggup*, meraih 22 juta tontonan, mencecah tempat Kelima Terbaik bagi lagu yang paling banyak ditonton di saluran Astrogempak. Sufi juga meraih gelaran Artis Paling Popular di acara anugerah, Anugerah Planet Muzik.

**$35* / $50**^ / $70^**
Potongan harga untuk pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan Warga Emas: $28*, $42**
Potongan harga untuk PWDs: $28

**^Esplanade&Me Early Bird Specials (26 Apr – 8 Mei 2022)**
Kad Hitam: jimat 20% | Kad Putih: jimat 15%
Kad Discover: jimat 15% (Min. 2 tiket (Tiket terhad)

**^Esplanade&Me Specials (dari 9 Mei 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

**An Evening of Dikir – Teraju Tiga**
oleh Gabungan Pendikir Singapura
28 Mei 2022, Sabtu, 8mlm
Dewan Konsert Esplanade




Saksikan dewan konsert ‘bernyawa’ pada satu malam epik *dikir barat*! Jejaki perkembangan seni dikir barat selama bertahun-tahun dan lihat keakraban antara artis muda dan veteran dalam konsert penghormatan kepada seni *dikir barat* Singapura. Para veteran seperti Juno AGP, Khairudin Samsudin, Daly Filsuf dan 2D mengatur pentas dengan persembahan berpengalaman mereka, di mana kumpulan 2D kembali bersatu, khusus untuk persembahan ini.

Para penonton juga bakal terhibur dengan persembahan awok-awok daripada kumpulan-kumpulan seperti Kelana Purba, Dendang Mutiara, Mak Yong Kedek, Andika Kencana, Ulan, Wahana Deksu dan banyak lagi. Penyanyi seperti Elfee Ismail, Nana Karia dan Dinodi juga akan menyampaikan irama *dikir barat* kegemaran mereka, termasuk lagu-lagu seperti *Pinggiran Aidilfitri*, *Bonda Kusanjung Ayah Aku Agung* dan *Cenderawasih*.

Konsert ini juga menampilkan beberapa kerjasama menarik: Saksikan sinergi antara para veteran dan generasi muda bagi *tok juara* dalam segmen-segmen seperti *Pertarungan Juara dan Dikir,* menampilkan Juno AGP di sisi Ayim dari Hikayat Putera Emas (HPE).

Jangan lepaskan persembahan bersemangat dan bertenaga ini yang meraikan perjalanan seni *dikir barat*!

(1jam 30minit, tanpa waktu rehat)
Persembahan dalam Bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris

All ages are welcome and we encourage parents to be mindful of their young children so the performance can be enjoyed by all. Thank you for your cooperation.

One person per ticket, including infant-in-arms

**$25* / $40**^**
Potongan harga untuk pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan Warga Emas: $20*, $32**
Potongan harga untuk PWDs: $20

**^Esplanade&Me Early Bird Specials (26 Apr – 8 Mei 2022)**
Kad Hitam: jimat 20% | Kad Putih: jimat 15%
Kad Discover: jimat 15% (Min. 2 tiket (Tiket terhad)

**^Esplanade&Me Specials (dari 9 Mei 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

Sebuah Keselenggaraan Eplanade

# Kepaten Obor

Ditulis-sama oleh Agnes Christina & Suhaili Safari
Pelakan: Suhaili Safari
Pengarah: Adib Kosnan

27 – 29 Mei 2022, Jumaat – Ahad
Jumaat, 8mlm
Sabtu, 3mlm & 8mlm
Ahad, 3mlm
Teater Studio Esplanade




Suratan kehidupan-kehidupan yang seiring terjalin takdirnya, hanya diganggu tragedi-tragedi kehidupan.

Menjadi tanda tanya dari mana asal-usul suaranya yang ditemui sejak kecil lagi, maka mulalah penerokaan menjejak salasilah keturunannya dan mencari erti anugerah turun-temurun itu meskipun menghadapi pelbagai rintangan.

*Kepaten Obor* adalah persembahan disiplin yang berbagai seorang wanita oleh Suhaili Safari, yang dikomisyen oleh Esplanade – Theatres on the Bay. Paparan satu monolog menyayat hati yang dililit dengan nyanyian, tarian dan gubahan muzik asli yang dimainkan secara langsung oleh pemuzik, Danial Ahmad dan Isyraf dari sl_owtalk.

Naskhah asal yang berdasarkan kisah Suhaili sendiri. *Kepaten Obor* mencerminkan ikatan pertalian yang terjalin antara datuk dan nenek bersama cucu-cucu mereka, sesuatu yang tidak akan terputus, walau apa pun.
*Kepaten Obor* diarah oleh Adib Kosnan dan ditulis sama oleh Agnes Christina dan Suhaili Safari.

(1jam, tanpa waktu rehat)
Persembahan dalam Bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris

**About Suhaili Safari (Co-Writer / Actor)**
Suhaili Safari telah menjayakan melebihi 30 penerbitan teater di dalam dan luar negeri sejak 2005. Antara karya penerbitannya sebelum ini termasuk *Medea* (2017, Cake), *The Clockwork Orange* (2019, Teater Ekamatra) dan *Inside Voices* (2019, Lazy Native) yang memenangi Karya Luar Biasa Terbaik di Festival Vaults tahunan di London.

Tahun ini, Suhaili kekal aktif dan kali terakhir beliau membuat persembahan di atas pentas adalah bagi monolog sejarah, *Puisi Balada Tun Fatimah* (2022, Teater Kami) dan *Gallery of Secrets: The Lost Lily* (2022, The Theatre Practice).

Walaupun beliau dilihat sebagai seorang pelakon teater, Suhaili juga menggalas kerja kreatif yang lain dan pernah mendapat pencalonan dalam kategori Reka Bentuk Bunyi Terbaik bagi penerbitan kolaboratif bebas, *Mother, I* (2016) di Anugerah Teater Life! 2017.

Beliau juga seorang pemuzik yang telah menyumbang dalam sesi improvisasi bagi acara *Open Spaces* di Festival Sounding Now 2019 yang diadakan di Yong Siew Toh Conservatory of Music, sesi *Playfreely* anjuran The Observatory, acara improvisasi muzik kelolaan sekumpulan wanita, *No Man's Land* (2017), ThirdSpace Sessions: *Voce* (2020) anjuran SAtheCollective dan terkini, program *Nusasonic* (2021).

**Tentang Agnes Christina (Penulis sama/Pereka Kostum)**
Agnes Christina adalah seorang artis pelbagai disiplin yang cenderung terhadap pergelutan hidup manusia dan bagaimana mereka menanganinya. Memberi tumpuan kepada irama yang tercipta daripada kehidupan harian manusia, Agnes mempersembahkan karya-karyanya menerusi pelbagai media seperti persembahan teater, lukisan, sulaman dan fesyen.

Naskhah-naskhah teater Agnes telah diterbitkan beberapa kali, hasil karya seni visualnya telah dipaparkan dalam beberapa pameran seperti Bazaar Arts Jakarta, Artjog dan Jogja Biennale-Korean Pavillion dan jenama fesyennya, @Leafthief.id, semakin berkembang menjadi pujaan di seluruh Indonesia, Singapura dan Malaysia.

**Tentang Adib Kosnan (Pengarah)**
Adib Kosnan ialah seorang penggerak teater dan Artis Bersekutu di Checkpoint Theatre. Adib telah dinobatkan sebagai Pelakon Pembantu Terbaik di Anugerah Teater Life! 2020 bagi karya, *Angkat*, oleh Nabilah Said dan Noor Effendy Ibrahim. Antara karya arahannya termasuk, *Without Reason,* oleh Sim Yan Ying (ArtsWok Collaborative, Ogos 2017) dan *Tanah.Air* oleh Drama Box (pengarah bersama Kok Heng Leun, Oktober 2019).

Pada Julai 2021, naskhah tulisannya, *Keluarga Besar En.Karim*, terbitan Checkpoint Theatre dan Esplanade, di mana beliau turut berlakon telah dipentaskan secara digital. Ia diarah oleh Claire Wong dan Joel Lim.

Karya arahan terbarunya berjudul *Rindu Di Bulan*, terbitan RupaCo.lab bagi Festival M1 Fringe Singapura 2022. Kini, Adib juga merupakan artis utama bersama seniman teater, Moli Mohter, untuk *Both Sides Now: Mengukir Harapan*, sebuah projek penglibatan masyarakat yang memberi tumpuan kepada isu akhir hayat dalam masyarakat Melayu Islam, terbitan Drama Box dan ArtsWok Collective.

**Tentang Charlene Rajendran (Dramaturgi)**
Charlene Rajendran adalah seorang pendidik teater, penyelidik dan pengamal seni yang juga seorang Profesor Madya di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Singapura (NTU).

Antara minatnya termasuk dalam bidang teater kontemporari silang disiplin, dramaturgi persembahan, pedagogi berasaskan persembahan drama dan kepimpinan pemikiran.

Beliau telah bekerjasama dengan pelbagai artis dalam pembikinan persembahan dan merangka dan melancarkan proses berdialog sejak remaja lagi pada tahun 1970-an. Sebagai dramaturgi yang antaranya memberi nasihat berkenaan seni dan teknik penyusunan sesebuah karya drama, beliau telah melaksanakan pelbagai projek termasuk *Both Sides, Now* (2013-2019), *In The Silence Of Your Heart* (2018), *The Malay Man* and *His Chinese Father* (2018), *Ghost Writer* (2016) dan *It Won't Be Too Long* (2015).

Tulisan beliau diterbitkan dalam pelbagai platform akademik dan kreatif. Beliau juga telah menyunting bersama buku-buku seperti *Excavations, Interrogation, Krishen Jit and Contemporary Malaysian Theatre* (2018), *Performing Southeast Asia: Performance, Politics and the Contemporary (*2020) dan *Changing Places: Drama Box and the Politics of Space* (akan datang). Beliau kini juga pengarah bersama rangkaian Dramaturgs Asia Education, NTU, dan pengarah bersama Asian Dramaturgs' Network.

**$35*^**
Potongan harga untuk pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan Warga Emas:  $28*

**^Esplanade&Me Early Bird Specials (26 Apr – 8 Mei 2022)**
Kad Hitam: jimat 20% | Kad Putih: jimat 15%
Kad Discover: jimat 15% (Min. 2 tiket (Tiket terhad)

**^Esplanade&Me Specials (dari 9 Mei 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

Sebuah Keselenggaraan Esplanade

**The Wrong Geng 2.0**

oleh Norhaizad Adam (Singapore)

27 – 29 Mei 2022, Jumaat – Ahad
Jumaat, 8mlm
Sabtu & Ahad, 3mlm & 8mlm
Studio Annex Esplanade




Pereka tari dan penari, Norhaizad Adam, menghasilkan konsep dan bakal menyampaikan satu karya solo, *The Wrong Geng 2.0*, daripada perspektif *jantan joget* (penari lelaki). Beliau menerokai aspek sosial, imaginatif dan emosi yang tersirat dalam sistem tenaga kerja pada zaman kapitalisme kini, lalu bertanya: Bagaimanakah jika peranan perempuan joget dilaksanakan oleh seorang lelaki maskulin?

Berdasarkan sejarah, *joget*, juga dikenali sebagai *ronggeng*, adalah tarian yang mempunyai rentak yang rancak dan irama yang pantas. Ia biasanya genre muzik dan tari yang menggalakkan interaksi antara lelaki dan wanita, terutamanya untuk memikat satu sama lain. Demikian inilah suasana 'joget dance halls' di taman-taman hiburan pada tahun 1930-an hingga 1960-an di Singapura.

Istilah “wrong geng” adalah permainan kata pada istilah *ronggeng,* yang mencerminkan stigma penari *joget* sebagai “kotor”. Ini menimbulkan spekulasi tentang perbalahan orang Melayu konservatif yang mungkin menganggap *joget* sebagai kegiatan sosial yang erotik dan menggoda. Hari ini, joget telah melalui pemodenan dan ‘dibersihkan’. Kini, *joget* diamalkan sebagai bentuk tarian Melayu yang dihormati di Singapura dan sering kali dipersembahkan di majlis-majlis perayaan seperti majlis perkahwinan dan perjumpaan. Menerokai tema yang mencabar dengan sifat yang terbuka, *The Wrong Geng 2.0* menerokai pelbagai perspektif terhadap isu tenaga kerja dan seni tari. Konsep dan kritikan ini selaris dengan amalan seni Norhaizad Adam dalam merenung dan menyoal identiti Melayu melalui persembahan.

Sebelum ini, persembahan berjudul *The Wrong Geng* telah dikomisyen buat julung-julung kalinya oleh Esplanade –Theatres on the Bay pada 2018, dipersembahkan sebagai siri *Pentas* dalam pertunjukan tarian, *Joget.*

(1jam, tanpa waktu rehat)

**Tentang Norhaizad Adam**

Norhaizad Adam ialah seorang penari dan pereka tari yang dilahirkan, dibesarkan, dan menetap di Singapura. Karya beliau menerokai tema moral dan behaviorisme (psikologi tingkah laku) dalam Budaya Melayu, konteks pasca kolonialisme dan perubahan sosio-politik. Beliau memanfaatkan artistik konsep tari sebagai strategi untuk merunding struktur sistemik dan stereotaip masyarakat. Beliau juga merupakan Pengarah Artistik P7:1SMA, sebuah syarikat persembahan tari yang secara radical mengubah perspektif identiti Melayu melalui pengalaman persembahan yang intim dan inovatif. Beliau telah mempersembahkan karya-karya di Itali (Minggu Seni Persembahan Antarabangsa Venice), Australia (Pemetaan Melbourne), Taipei (Asia Discovers Asia Meeting), Perancis (Akademi Musim Panas Paris), Austria (ImPulsTanz), Indonesia (NuArt), dan acara-acara penting di Singapura. Norhaizad Adam juga merupakan salah seorang penerima Anugerah Artis Muda Majlis Seni Kebangsaan (NAC) pada 2021.

**$35*^**

Potongan harga untuk pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan Warga Emas:  $28*

**^Esplanade&Me Early Bird Specials (26 Apr – 8 Mei 2022)**

Kad Hitam: jimat 20% | Kad Putih: jimat 15%

Kad Discover: jimat 15% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**^Esplanade&Me Specials (dari 9 Mei 2022 dan seterusnya)**

Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%

Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

**Nur Cahaya Sakti**
oleh Art Fazil (Singapore)
27 Mei 2022, Jumaat, 8mlm
Studio Resital Esplanade




Raikan ulang tahun album Art Fazil, *Nur*, yang ke-20 di konsert satu malam sahaja! Dikeluarkan pada tahun 2000, album akustik yang telah meraih anugerah ini pernah berada di tangga tertinggi di carta muzik Singapura dengan hit lagu seperti *Merindu Kepastian*.

Persembahan ini menandakan kali pertama keseluruhan album ini bakal dipentaskan kepada masyarakat awam, memaparkan pemuzik sesi asal yang telah merakamkan album tersebut.

(1jam 30minit, tanpa waktu rehat)
Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Tentang Art Fazil**
Art Fazil adalah anggota pengasas Rausyanfikir, kumpulan band tiga anggota, yang berjaya menembusi industri muzik dengan gabungan muzik pop-rok-rakyat-etno alternatif dan lirik lagu yang mementingkan isu-isu sosial. Band itu telah menerbitkan dua album yang mendapat pengiktirafan.

Pada 1990, Art menjadi penulis lagu bersama Warner Music Publishing (Singapura), menulis untuk para seniman di wilayah dalam kededua bahasa Inggeris dan Melayu.

Pada 1993, Art menjadi artis solo Pony Canyon Records (Singapura). Sedang beliau menghasilkan dua album Melayu, Art merakamkan album lagu-lagu Inggeris berjudul Art Fazil pada 1995.

Dua lagu dalam album tersebut, *Sometimes When I Feel Blue* (nombor 2) dan *Everybody Else* (nombor 4) dinobat 10 hit lagu terbaik di carta Singapore Perfect 10.

Pada tahun sama, Art juga memenangi anugerah bagi Lagu Inggeris Terbaik COMPASS 1995. Ia disusuli dengan anugerah Lagu Melayu Terbaik COMPASS 1997 bagi *Dikir Fikir Fikir*, satu trak

lagu daripada album kedua Rausyanfikir. Beliau juga memenangi Pertandingan Penulis Lagu Tympnali (diadakan sebagai sebahagian daripada Festival Fringe Edinburg) pada Ogos 1997.
Art berpindah ke United Kingdom pada 1995 dan memberi tumpuan kepada penulisan dan persembahan dalam litar muzik akustik sebagai penyanyi-penulis lagu muzik British. Art mengembara luas dan membuat pelbagai persembahan di England, Scotland dan Wales melalui litar kelab dan juga pernah membuat persembahan di Istanbul, Turkey. Beliau telah membuat persembahan muzik di aneka tempat di pelbagai negara, antaranya temasuk kelab terkenal sedunia, The Kashmir Klub, The Regal Room, The Twelve Bar Club, Bungies, Moles (Bath), Penny Theatre (Cantebury), Festival Fringe Edinburgh Fringe Festival.

**$35*^**
Potongan harga untuk pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan Warga Emas: $28*

**^Esplanade&Me Early Bird Specials (26 Apr – 8 Mei 2022)**
Kad Hitam: jimat 20% | Kad Putih: jimat 15%
Kad Discover: jimat 15% (Min. 2 tiket (Tiket terhad)

**^Esplanade&Me Specials (dari 9 Mei 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

**Masdo Upsized: Pesta Muda Mudi**
oleh Kugiran Masdo (Malaysia)
29 Mei 2022, Ahad, 8mlm
Dewan Konsert Esplanade




Kami jelas mendengar anda: Oleh kerana permintaan yang memberangsangkan, band indie popular Kugiran Masdo akan dipindahkan ke Dewan Konsert untuk persembahan yang dipertingkatkan! Bersedia untuk menikmati pengalaman konsert yang lengkap dengan muzik yang diilhamkan daripada rok retro tahun 60-an di Esplanade, dengan lagu-lagu hit seperti *Dinda*, *Bunga* dan banyak lagi!

(1 jam 30 minit, tiada waktu rehat)
Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Tentang Kugiran Masdo**
Kugiran Masdo terdiri daripada vokalis dan gitaris Ali Sariah, gitaris utama Asmawi, dan pemain bes Putu Ceri. Pemain dram mereka, Ambobzeela, atau nama sebenarnya, Azham Ahmad, juga merupakan anggota pengasas band, Hujan.

Ditubuhkan pada 2015, band ini kian terkenal dengan bunyi pop tahun 60-an dan antara lagu single mereka adalah '*Bunga*', '*Bercanda Di Malam Indah',* dan *'Dinda'.* Mereka mengeluarkan album debut mereka '*Selamat Tinggal Pujaan*' pada 2018.

**$35*^, $55^**
Potongan harga untuk pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan Warga Emas:  $28*

**^Esplanade&Me Specials**
Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Sonic Rituals**
oleh Rosemainy Buang (Singapore)
26 – 29 Mei 2022, aneka waktu
Studio Annexe Esplanade, Tingkat 2




Sebuah cerita tentang kesulitan seorang seniman yang terperangkap dalam lingkaran kebimbangan. Dibebani dengan serakah untuk terus berkarya dan kekal relevan, penonton dapat mengamati tempat tinggalnya yang tunggang-langgang. Keadaan rumahnya yang kecoh, tidak terurus dan tidak menyenangkan merupakan cerminan minda, jasad dan rohani beliau.Sebuah jeda memusnahkan semuanya, hingga memaksa beliau berganjak dari inersia dan menuju pemulihan.

Diilhamkan daripada konsep Jawa, *sedulur papat limå pancer*— satu peringatan tentang asal usul seseorang dan peri pentingnya menyelaraskan unsur-unsur ini dalam diri sendiri — *Sonic Rituals* adalah satu perjalanan deria yang dicipta untuk membantu jiwa yang hilang kembali fokus pada diri sendiri pada saat-saat kekecewaan. Selami diri anda dalam pengalaman persembahan dan seni pemasangan muzik ini, dipandu melalui stesen-stesen yang menandakan setiap titik cerita.

Konsep persembahan ini dihasilkan oleh pemuzik Rosemainy Buang and dicipta sama bersama Zachary Chan. Penonton dapat mengalami muzik yang dimainkan secara langsung oleh seniman, diiringi oleh pemuzik Syafiq Halid, disisi visual oleh Zachary Chan dan Eric Lee dengan set reka bentuk oleh Irfan Kasban.

(30minit, tanpa waktu rehat)
Dipersembahkan dalam bahasa Inggeris dan Melayu, tanpa sari kata.

Nasihat:

- Kemasukan untuk umur 12 tahun ke atas.
- Persembahan ini memerlukan penonton bergerak di antara lokasi-lokasi yang telah ditetapkan dalam persekitaran cahaya rendah.
- Penonton akan terus berdiri atau berjalan sepanjang persembahan. Sebagai sebahagian daripada pengalaman ini, mereka juga dijangka menaiki tangga.

- Penonton yang datang lambat tidak dibenarkan masuk dan penonton juga tidak dibenarkan masuk semula untuk persembahan ini. Sila datang 5 minit lebih awal sebelum persembahan bermula.

**Tentang Rosemainy Buang**
Rosemainy Buang seorang pemuzik, penggubah dan pendidik *gamelan*. Dilatih secara tradisional dalam muzik Gamelan sejak 10 tahun lalu, Rosemainy tertarik untuk mencipta dan bergabung dengan bidang dan pengamal seni yang lain. Terdorong dengan falsafah gamelan, di mana, menjalin hubungan antara pemuzik dan muzik memerlukan lebih daripada memainkan nota yang betul, Rosemainy bercita-cita untuk mara menuju rasa - bentuk estetik yang tertinggi dalam seni gamelan dan seni suara, karawitan.

**$15^**

**^Esplanade&Me Specials (dari 26 Apr 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15% | Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Min. 2 tiket) (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

**Batik Painting Workshop**
oleh Kamal Arts Ltd
28 Mei 2022, Sabtu, 11mlm & 2ptg*
Studio Latihan Esplanade



Pelajari asas pewarnaan batik di bengkel ini dengan reka bentuk batik *Pesta Raya 2022* pra-lilin eksklusif!

Setiap peserta akan menerima satu set kraf yang merangkumi:

- Reka bentuk *Pesta Raya 2022* pra-lilin eksklusif
- Bahan lukisan (Palet plastik, satu set pewarna dan berus)
- Folder kad bingkai tingkap untuk memasang reka bentuk anda untuk paparan

(1jam 30minit, tanpa waktu rehat)
Dianjurkan dalam bahasa Inggeris dan Melayu.
Kemasukan untuk umur 6 tahun ke atas.
Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun mesti ditemani dengan seorang ibu, bapa atau penjaga.
Dewasa yang menemankan mesti berumur 16 tahun ke atas.

*Khas untuk *Esplanade&Me* members sahaja

**Tentang Seniman**
Seniman Singapura, Kamal Dollah, telah terpesona dengan keindahan batik sejak kecil. Kekaguman ini mendorongnya dalam pelbagai penjelajahan, akhirnya memuncak ke peringkat Sarjana Seni dengan tumpuan pada batik. Hari ini, Kamal dan pasukannya secara aktif mempromosikan bentuk seni dengan mengajar lukisan batik di sekolah, di studio mereka dan juga melalui projek kemasyarakatan.

**$15^**

**^Esplanade&Me Specials**
Kad Hitam/Putih/Discover: Nikmati penjimatan 50% buat satu atau dua tiket bagi Bengkel Lukisan Batik, terhad untuk sesi 2ptg sahaja.

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

**Bengkel Anak & Ibu Bapa – Tarian Melayu**
oleh Atrika Dance Company
29 Mei 2022, Ahad, 11pagi
Studio Latihan Esplanade




Pelajari asas Tari Melayu dalam bengkel ringkas ini. Kenali nada, gerak and wirasa Tari Melayu bersama kami! Tidak lupa juga, penggunaan tudung saji, payung atau sapu tangan dapat mencantikkan lagi gerak tari Melayu.

Mari menari bersama anak anda dan menjadi seorang penari Tari Melayu untuk sehari!

(1hr, tanpa waktu rehat)
Dianjurkan dalam bahasa Inggeris dan Melayu.
Kemasukan untuk umur tiga tahun ke atas. Disarankan untuk umur tiga hingga lapan tahun.
Dewasa yang menemankan mesti berumur 16 tahun ke atas.

Semua peserta, termasuk kanak-kanak, diwajibkan memakai pelitup muka semasa bengkel-bengkel, mengikut garis pandu langkah-langkah pengurusan selamat yang sedia ada.

**About Atrika Dance Company**
Kumpulan Atrika Dance Company telah ditubuhkan pada 1994 sebagai sebahagian daripada unit persembahan Kelab Masyarakat Kolam Ayer.
Di Atrika, kami telah membangunkan pendekatan unik bagi tarian Melayu tradisional, bersesuaian dengan masyarakat kita di Singapura yang berbilang bangsa dan budaya.

Kami mengamatinya, menyemai jiwa dan semangat ke-Singapuraan dan berpegang teguh pada intipati & mesej tarian. Bentuk tarian pasca tradisional memaparkan gabungan gerak tari tradisional dan kontemporari yang bermacam-macam. Ini mencerminkan masyarakat Singapura yang mengekalkan nilai Timur dengan aspirasi Barat.

Bentuk tarian pasca tradisional yang pertama diperkenalkan di Festival Persembahan Seni Asian 1991, yang dipersembahkan oleh penari mapan Melayu Singapura. Karya tarian itu bertajuk “Jelingan Manja” - konsep dan koreografi oleh Cik Mazlina Buang.

Kelahiran Atrika bukanlah perkara yang mudah. Tetapi, Atrika meletakkan kepercayaan yang penuh terhadap konsep dan gayanya. Dengan kegigihan dan sifat rendah diri Cik Mazlina, bentuk tarian pasca tradisional telah diterima di Kelab Masyarakat Kolam Ayer untuk dipentaskan pada 1994.

**1 Dewasa & 1 Kanak: $30**
**2 Dewasa & 2 Kanak-kanak: $60**

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

**Bengkel Tarian Melayu (Dewasa & Remaja)**
oleh Atrika Dance Company
29 Mei 2022, Ahad, 2ptg
Studio Latihan Esplanade



Gerak tari Haziq Noorazwa dipengaruhi oleh genre tarian yang berbeza sewaktu beliau membesar iaitu tarian kontemporari, jalanan dan tarian Melayu tradisional.

Peserta akan diperkenalkan kepada gerak dan reka tari yang akan dipersembahkan di dalam bengkel ini. Lihat keunikan mencipta reka tari sambil menikmati keindahan Tarian Melayu!

(1jam, tanpa waktu rehat.)
Dianjurkan dalam bahasa Inggeris dan Melayu.
Kemasukan untuk umur 12 tahun ke atas

Memakai pelitup muka adalah pilihan masing-masing dalam bengkel ini, mengikut garis pandu langkah-langkah pengurusan selamat yang sedia ada.

**Tentang Haziq Noorazwa**
Haziq Noorazwa ialah ahli Atrika Dance Company, sebuah kumpulan tarian Melayu yang berpusat di Kelab Komuniti Kolam Ayer. Perbendaharaan kata pergerakan beliau terdiri daripada beberapa genre tarian, termasuk tarian kontemporari, *street* dan sudah tentu, tarian tradisional Melayu.

**$15**

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

Sebuah Keselenggaraan Esplanade

**Tayangan: Tempoh**

oleh OrkeStar Trio & Djangat (Singapura & Indonesia)
Tersedia untuk tontonan dari 26 Mei, Khamis, 12 tghhari – 12 Jun, Ahad, 11.59 mlm
Dalam Talian (SISTIC Live)




Terokai nilai-nilai, semangat dan rasa Nusantara melalui *Tempoh*. Asalnya dikomisyen untuk *Pesta Raya* pada Jun 2021 dan kemudian dipentaskan sebagai sebahagian daripada *Pentas* pada Oktober 2021, konsert ini adalah persembahan mercu tanda buat OrkeStar Trio, setelah lebih sedekad berkarya.

*Tempoh* adalah satu pengembaraan berani, berakar dalam amalan muzik tradisional, rakyat dan kerohanian, satu konsert kolaborasi serumpun antara pemuzik OrkeStar Trio (Singapura) dan Djangat (Pekanbaru, Indonesia), arahan Irfan Kasban dan dipersembahkan dalam suasana intim unik di Studio Resital Esplanade. Layari diri anda dalam suasana tenteram dari keselesaan rumah anda dengan tayangan konsert eksklusif dalam talian!

(1jam, tiada waktu rehat)

**Tentang OrkeStar Trio**

OrkeStar Trio mewujudkan semangat pengembaraan dalam penerokaan versatili dan konteks muzik dari Nusantara Melayu dalam dunia moden. Dianggotai tiga seniman muda dengan kecenderungan unik, Trio memberi penghormatan kepada pengaruh tradisional, dan pada masa yang sama, memperjuangkan penciptaan spektrum bunyian baru.

Karya-karya mereka mengetengahkan bermacam variasi gaya muzik, mencerminkan kepelbagaian identiti dan minat di antara mereka bertiga.

Pada Ogos 2011, Trio melancarkan album pertama mereka berjudul OST, sebuah projek jana sendiri yang mengambil masa produksi sekitar setahun. Pada Jun 2015, Orkestar Trio melancarkan album studio kedua berjudul ORKESTARIUH!, yang mengetengahkan kolaborasi bersama pemuzik di dalam dan luar negara seperti Nadi Singapura, Andy Chia, Natalie Alexandra, Cheryl Ong dari kumpulan SAtheCollective, Nizar Fauzie, Yaziz Hassan, Azrin Abdullah, Abdul Shukor Jalil, Kazhendra Kazan, Mohamed Noor, Allahyarham Pak Ngah Suhaimi dan Anggara Satria.

Jika tidak merantau, Trio menawan penonton Singapura dengan bunyian unik dan persembahan mereka yang memukau. Kumpulan ini berazam hendak memecahkan sekatan di antara genre muzik dan mengongsi suara mereka untuk memberi inspirasi kepada orang ramai.

**Tentang Djangat**
Djangat adalah sekolompok pemuzik yang mendasarkan sikap "tanya" sebagai asas penciptaan karya musiknya. Ditubuhkan pada 2002 sebagai kumpulan pemuzik sama fikiran sebelum menjadi kumpulan muzik rasmi pada 2011, Djangat aktif menggali khazanah budaya Melayu sebagai sumber karya dengan pendekatan yang tidak terikat pada aluran musik konvensional. Asas eksplorasi ini bertujuan membuat mereka mengharapkan lahirnya sesuatu yang 'tidak mungkin' dalam penggarapan karya.

**Tentang Irfan Kasban**
Keinginan Irfan Kasban untuk mencari ketenangan membimbing lintasan seninya dalam pelbagai medium dan disiplin. Melalui penulisan, arahan, rekaan dan membuat persembahan, beliau berharap dapat menciptakan dunia yang rumit sebagai cara untuk memahami alam semesta ini. Bekerja bebas secara profesional sejak 2006, Irfan dengan rendah hati menawarkan tenaga dengan meraikan pertembungan ruang dan masa. Beliau adalah penerima Anugerah Seniman Muda 2020. Kini, beliau berminat dalam persembahan sebagai penyembuhan ritual.

**$15^**
Log masuk ke SISTIC Live untuk menonton video sehingga 3 kali sahaja.

**^Esplanade&Me Specials (dari 26 Apr 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15%
Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

Sebuah Keselenggaraan Esplanade

**Tayangan: Pulang Balik**

oleh Teater Ekamatra (Singapore)
Tersedia untuk tontonan dari 26 Mei, Khamis, 12 tghhari – 12 Jun, Ahad, 11.59 mlm
Dalam Talian (SISTIC Live)




Pada 2003, Teater Ekamatra melancarkan Projek Suitcase, siri yang dipuji yang menggunakan format teater miskin, melibatkan seorang pelakon dengan hanya sebuah beg pakaian yang mengandungi prop di sebuah ruang persembahan.

Pada 2021, dua karya paling popular dari arkib Projek Suitcase telah dikomisyen sebagai persembahan berganda untuk Pesta Raya dan kini dipersembahkan dalam satu tayangan eksklusif di dalam talian.

Menyayat hati dan penuh dengan kejujuran, dua karya ini mengupas tema kehilangan dan kerinduan.

***Mama Lekas Pulang***
Apa akan terjadi apabila satu-satunya orang yang mencintai anda tidak ingat langsung tentang kewujudan anda?

Mama Lekas Pulang menyelongkar dunia demensia dan bagaimana ia menjejas hubungan paling asas, antara seorang ibu dan anaknya. Ia mengupas perasaan kehilangan, kenangan lama, kesedihan dan kegembiraan dapat menambat jiwa. Skrip diilhamkan daripada lagu-lagu Uji Rashid, seorang ikon dalam muzik pop Melayu pada tahun 1970-an.

***Balik***
Ain, seorang wanita berusia lewat 30-an tahun, sudah lama mengalami isu diabaikan. Hiba dengan kematian ibunya, Ain bergelut dengan kenyataan yang mentakrifkan kewujudannya, sementara cuba memahami makna warisan ketidakpastian yang ditinggalkan ibu bapanya. Kian beliau mencungkil rahsia keluarganya, beliau sedar bahawa soalan-soalan tertentu lebih baik dilupuskan, sementara ada jawapan lebih baik diabaikan.

(1jam 30minit, tanpa waktu rehat)
Persembahan dalam Bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris

**Kenyataan Pengarah**
Pengabaian dan penderaan mental adalah dua tema utama yang diberi tumpuan dalam *Pulang Balik*. Tema-tema ini, yang ditulis dengan menarik dalam pementasan teater berganda oleh penulis drama masing-masing, juga kadang-kala muncul dalam filem peribadi saya. Penting juga untuk diperhatikan bahawa kededua drama itu ditulis daripada perspektif dua remaja perempuan sebagai protagonis, Maya dan Ain, yang sedang melayari alam dewasa mereka. Saya mendekati kededua skrip dengan meneliti temanya dan menganalisa untuk mencari apa yang tersirar sepertimana kita menonton drama pentas.

Adaptasi filem ini tidak akan dihasilkan secara langsung dengan berbilang kamera memasuki ruang pentas sementara protagonis membuat persembahan. Wadah filem mempunyai kelebihan untuk membawa penonton lebih dekat pada babak aksi, membangunkan mise-en-scene yang boleh meningkatkan intensiti saat-saat di atas pentas yang mungkin terlepas apabila seseorang menonton drama pentas dari tempat duduk yang jauh.

Mise-en-scene adalah ungkapan yang digunakan untuk menggambarkan seluruh aspek visual yang ada pada saat menerbitkan filem atau pementasan teater seperti pencahayaan, pelakon, kostum yang digunakan dan lain-lain.

Bagi menguatkan lagi apa yang tersirat di dalam skrip asal, saya membina adegan baru yang menyuntik konteks pada latar belakang dan keadaan mental protagonis. Adegan-adegan tersebut juga berfungsi untuk membuat peralihan antara kedua-dua drama dengan lancar buat penonton filem. Dalam *Pulang Balik*, mengemudi apa yang tersirat dalam ruang pentas dan mentafsir ia semula ke bahasa filem merupakan salah satu projek mencabar tetapi menyegarkan buat saya.

**Biografi Pengarah – Sanif Olek**
Sanif Olek adalah seorang pengarah berpangkalan di Singapura. Filmografi beliau termasuk filem, program televisyen, mesej berstrategi untuk pertubuhan korporat dan karya-karya komisyen untuk lembaga berkanun dan muzium. Beliau telah mencapai kejayaan dalam pelbagai genre televisyen, terutama dalam drama naratif dan dokumentari. Beliau sering mendapat pencalonan dan kini telah merangkuli empat anugerah Pengarah Terbaik dan satu lagi anugerah dalam penulisan bagi anugerah Pesta Perdana kendalian Mediacorp. Filem-filem beliau telah memenangi anugerah antarabangsa dan menerima pujian kritikal untuk kisah-kisah asli Singapura yang mengkaji tentang identiti dan menyerlahkan ironi keadaan manusia. Filem berdikari debut beliau, Sayang Disayang, adalah kemasukan rasmi Singapura bagi anugerah Oscars 2015 (Filem Bahasa Asing Terbaik). Ia kini ditayangkan melalui saluran penstriman, Netflix, di Asia Tenggara, Jepun dan Korea. Filem kedua beliau, *Voluptas* (2015), mendapat tayangan perdana sedunia di Festival FIlem Antarabangsa Singapura. Selain bercerita, beliau suka menerokai jejak hutan untuk kembali cergas di alam semulajadi.

**Anggota pasukan kreatif *Mama Lekas Pulang***

**Aidli 'Alin' Mosbit | Penulis drama**
'Alin' Mosbit berkelulusan dari Universiti Teknologi Queensland, Australia, telah banyak bekerja sama dengan syarikat seni setempat seperti The Necessary Stage, Teater Kami, Wild Rice, Cake Theatre, Toy Factory, The Theatre Practice, Teater Ekamatra dan Drama Box. Aidli telah

menerbitkan satu antologi karya drama Melayu dalam buku BISIK dengan Noor Effendy Ibrahim dan Alfian Sa'at. Beliau telah menjelajahi ke Scotland, Australia, Malaysia, Indonesia, Romania, Hong Kong dan Hungary, mempersembahkan teater jenama Singapura. Penerima Anugerah Seniman Muda bagi Teater pada 2008, beliau kini bertugas sebagai Ketua Seksyen Jabatan Seni di Politeknik Temasek sambil melanjutkan pengajian Sarjana dalam Pendidikan.

**Molizah Mohd Mohter (Moli) | Pengarah**
Moli telah menyandang pelbagai jawatan dalam bidang teater sejak 1993 daripada pengurusan pentas, penyelaras penerbitan, lakonan, penggayaan kostum, rekaan prop dan set serta solekan pentas. Beliau juga telah menulis dan mengarah beberapa persembahan baru-baru ini. Beliau menulis dan mengarah Constipated Again, satu monolog yang dikomisyen untuk acara Pentas Esplanade pada 2012. Beliau juga telah membuat persembahan monolog, La Libre Latifa, terbitan Teater Ekamatra dan dikomisyen untuk Pesta Raya Esplanade 2002, arahan Aidli Mosbit. La Libre Latifa juga dipersembahkan di Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, sebagai sebahagian daripada Projek Suitcase Teater Ekamatra pada 2003.

**Elnie S Mashari | Pelakon**
Elnie kelulusan Sarjana Muda dalam Pengajian Teater dari Universiti Teknologi Queensland, Audtralia. Beliau adalah seorang penggiat teater prolifik yang telah menceburi hampir dua dekad, melakukan lakonan, penerbitan, pengurusan pentas, arahan dan mengajar teater.

Sebagai pelakon, beliau telah menjayakan pementasan My Name is Nadra, Ikan Cantik, Main-Main, Minah & Monyet dan Betrayed Babies. Beliau telah menjelajahi Shanghai, Shenzhen, Hong Kong dan Darwin sebagai sebahagian daripada pelakon ensemble bagi pementasan Play Play, terbitan Theatre Practice. Lakonan pementasan terakhir beliau adalah F, terbitan Panggung ARTS. Beliau kini Ketua Seksyen Higher Nitec dalam jurusan Penerbitan Persembahan di Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

**Kumpulan kreatif untuk *Balik***

**Zulfadli Rashid | Penulis drama**
Karya drama terkenal Zulfadli Rashid termasuk Alkesah, Harap (satu adaptasi daripada karya Haresh Sharma, Hope) dan The Chronicles of One and Zero: Kancil and Balik. Karya drama beliau telah diterbit dan dipentaskan oleh Teater Ekamatra, Esplanade – Theatres on the Bay, Drama Box, dan Panggung ARTS, di tempat persembahan setempat dan antarabangsa serta festival seni persembahan.

Zulfadli pernah menjadi penulis drama residen dan anggota pengasas Panggung ARTS dan kini merupakan senima bersekutu dengan Teater Ekamatra. Beliau juga anggota pengasas kolektif penulis drama, Main Tulis Group. Memandang ke depan, Zulfadli berharap dapat bergabung dengan seniman aneka disiplin, bahasa, budaya dan kewarganegaraan dan berharap dapat mencipta seni yang menghibur, mendidik dan memberi inspirasi.

**Mohd Fared Jainal | Pengarah**
Fared terlibat dalam kerja lintas disiplin yang menyelidiki bidang seni visual dan seni persembahan, dengan minat pada ruang, badan dan rekaan. Penyokong kuat teater fizikal, beliau sentiasa menerokai kraf badan dalam persembahan. Beliau juga sedang mengkaji hubungan antara elemen dan prinsip seni dan diri manusia, menegaskan pautan ini berada dalam simetri dan manipulatif secara serentak. Fared telah bergabung dengan pelbagai kumpulan seni dan teater sebagai pengarah, pelakon, seniman visual dan pereka set Beliau adalah anggota pengasas neontights, satu kolektif rekaan teater yang mencipta set pementasan inovatif dan

barangan prop. FAred mengajar di Sekolah Kesenian Singapura (SOTA) dan juga Pengarah Artistik Teater Ekamatra.

**Farah Ong | Pelakon**
Farah Ong adalah seorang seniman berdikari yang berpangkalan di Singapura. Beliau merupakan seorang pelakon, seniman persembahan, bakat suara, pengarah teater kanak-kanak dan pendidik.

Beliau menghasilkan karya seni, kadang-kala dalam bentuk dan medium yang unik, berlainan daripada kebiasaan.

Farah 'paling bernyawa' dan bersemangat semasa membuat persembahan. Beliau mendapati hubungan manusia sangat menyenangkan semasa mengajar. Beliau cuba memahami kesakitan ketika mencipta persembahan.

Buat masa kini, beliau sedang melalui saat di mana beliau mendapati kegembiraan dalam semua perkara kecuali seni.

Mungkin, beliau sedang menerokai apa maksudnya sifat kemanusiaan atau mempersiapkan diri untuk krisis pertengahan hidup.

Beliau percaya bahawa jika kita lihat dunia menerusi mata seorang kanak-kanak, ada magis dalam semua perkara. Farah akan sentiasa berasa dirinya bak anak kecil di dalam hati.

**$15^**
Log masuk ke SISTIC Live untuk menonton video sehingga 3 kali sahaja.

**^Esplanade&Me Specials (dari 26 Apr 2022 dan seterusnya)**
Kad Hitam: jimat 15%
Kad Putih: jimat 10%
Kad Discover: jimat 10% (Tiket terhad)

**Tiket akan mula dijual pada 26 Apr 2022, Selasa, 9pagi.**

## Program Percuma

**KARTA KATA**
oleh PERMATA SG
26 – 29 Mei, Khamis – Ahad
Pembukaan Festival: 26 Mei, Khamis, 6.45ptg*
27 Mei, Jumaat, 6.45ptg & 9mlm
28 Mei, Sabtu, 6.45ptg & 8.45mlm
29 Mei, Ahad, 6.45mlm
(15minit)
Esplanade Forecourt Garden
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Dicipta sama oleh penggiat silat dan seniman teater, *Karta Kata* menggabungkan seni tradisional, pergerakan dan bunyi untuk mencipta satu pengalaman penuh aksi! Karya ini menggabungkan tiga gaya silat berlainan iaitu gaya silat Jawa, Bawean dan Bugis.

Persembahan ini memaparkan elemen seni teater dari Saiful Amri dan rekaan bunyi oleh Rayhul Firdaus dari kumpulan muzik, 2D. Ia juga dipilih susun oleh Rifa'ah dan diolah bersama oleh Radhiansyah, Radili Ramli dan Tauriq Jasni.

*Karta Kata* bersedia membawa seni silat ke aras yang lain.

Persembahan ini juga menandakan pembukaan *Pesta Raya* edisi ke-21 pada 26 Mei, Khamis. Sertai kami di Taman Forecourt Esplanade atau melalui alam maya menerusi penstriman secara langsung!

**REVOLUSI**
oleh Atrika Dance Company
26 Mei, Khamis
7mlm*, 8.15mlm & 9.30mlm (45minit)
Teater Luar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Atrika Dance Company (ADC) mempersembahkan repertoir tarian yang lama dan masa kini, mempamerkan fasa-fasa berbeza ADC selama bertahun lamanya.
Selain memaparkan karya-karya lama mereka, persembahan ini juga memaparkan karya kontemporari dan terbaru yang akan meningkatkan lagi amalan kumpulan tari ini. Saksikan juga karya tari ikonik yang memainkan peranan penting dalam seni tari Melayu Singapura.
Penonton juga bakal menikmati pelbagai unsur muzik dunia, eksperimental dan masa kini yang disertakan dalam repertoir tari ini.

**Tentang ADC**
Kumpulan Atrika Dance Company telah ditubuhkan pada 1994 sebagai sebahagian daripada unit persembahan Kelab Masyarakat Kolam Ayer.
Kumpulan tari ini telah membangunkan pendekatan unik bagi tarian tradisional Melayu, bersesuaian dengan masyarakat kita di Singapura yang berbilang bangsa dan budaya. Mereka mengamatinya, menyemai jiwa dan semangat ke-Singapuraan dan berpegang teguh pada intipati & mesej tarian.

Atrika Dance Company mengamalkan bentuk tarian pasca tradisional yang menitik beratkan elemen tradisional dan kontemporari.
Bentuk tarian pasca tradisional yang pertama bertajuk “Jelingan Manja” diperkenalkan di Festival Persembahan Seni Asian 1991. Konsep dan koreografi tarian tersebut adalah hasil Cik Mazlina Buang yang dipersembahkan oleh penari-penari mapan Melayu Singapura.
Bentuk tarian pasca tradisional ini berserta Atrika Dance Company kemudian diterima dan mereka memulakan perjalanan seni tarian mereka di Kelab Masyarakat Kolam Ayer pada 1994.

## GERENEK TAQSIM: Ghazal meets Samar

oleh GhaMuhyi (Malaysia) & Firqah Alwehdah (Singapura)
27 Mei, Jumaat
7mlm: GhaMuhyi
8.15mlm: Firqah Alwehdah
9.30mlm: GhaMuhyi x Firqah Alwehdah*
(45minit)
Teater Luar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*





Alami keindahan ghazal dan samar kontemporari merentasi tiga set berbeza, dengan kolaborasi khas pada set terakhir malam ini.

Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Set pertama oleh GhaMuhyi**
GhaMuhyi akan memaparkan beberapa karya asli mereka seperti *Matahari, Telunjuk Silir Sirat* dan *Seri Langit*. Ada juga beberapa susunan lagu-lagu ghazal tradisional Melayu Johor baru seperti *Malam Merindu, Bukit Kesenangan*, *Ratapan Melayu, Penawar Rindu, Empat Dara* dan banyak lagi. Persembahan GahMuhyi menerokai aspek kemahiran dalam teknik bermain alat muzik dan memaparkan lagu-lagu ghazal Melayu Johor yang moden dan kontemporari.

**Set kedua oleh Firqah Alwehdah**
Firqah Alwehdah bakal memaparkan melodi-melodi lagu Arab yang biasa dimainkan di acara muzik Melayu. Genre muzik Arab seperti sharah, zafin dan dahefe yang ada hubung kait dengan irama Melayu akan dipaparkan dalam persembahan ini.

Firqah Alwehdah memaparkan dua artis berbakat iaitu Izzat Adnan dan Mohamed Alhendwan (juga dikenali sebagai Sultan Araboom).

Izzat Adnan adalah salah seorang pemain oud Arab yang berpotensi di Asia Tenggara. Karyanya telah memberi inspirasi kepada generasi muda untuk menceburi dan mengembangkan muzik kebudayaan Arab di wilayah ini.

Sultan Araboom, kelahiran dan membesar di Arab Saudi, adalah seorang vokalis yang sangat versatil dalam menyanyikan semua genre muzik Arab. Beliau juga telah tampil di sisi beberapa nama besar di Timur Tengah. Selain itu, beliau pernah muncul dalam beberapa siri drama Melayu di saluran Suria.

**Set ketiga gabungan oleh GhaMuhyi x Firqah Alwehdah**

Kontemporari ghazal menemui samrah dalam satu gabungan khas ini. Kumpulan muzik dari Malaysia, GhaMuhyi, memimpin persembahan rancak ini kian mereka mencabar batasan dan melahirkan ekspresi baru. Sambil mereka bergabung bersama kumpulan Firqah Alwedah dari Singapura, mereka akan mempersembahkan irama *Ghazal temui Samrah* yang mesti ditonton!

**Raya Block Party 2.0**
Curated by Rauzan Rahman
Performed by Poncho Group, IRYB, DJ NADDz & B-Heart (Singapura & Malaysia)
28 Mei, Sabtu
7.30mlm, 8.15mlm* & 9.30mlm
Teater Luar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*




Raya Block Party kembali, direka pilih oleh Rauzan Rahman, seorang penerbit, penulis lagu dan artis hip hop dari Singapura.

Ia dipersembahkan buat julung-julung kali pada 2016 sebagai sebahagian daripada Pesta Raya – Pesta Seni Melayu.

Raya Block Party 2.0 memberi tumpuan terhadap suasana R&B dan hip hop Melayu di Singapura, memaparkan artis daripada Poncho Group, IRYB, DJ NADDz dan B-Heart dari Malaysia!

Sekarang, ayuh lambai tangan anda sambil berhibur di persembahan ini!

Persembahan dalam Bahasa Melayu.

**Set 1: Poncho Group**
Poncho Group adalah kolektif kreatif berdikari yang berpangkalan di Singapura. Mempunyai pelbagai bakat dengan ahli-ahli daripada pelbagai bahagian negara, kumpulan ini muncul daripada suasana rap *underground* yang sebelum ini dikenali sebagai 'BUDAK UGLY'.
Tidak pernah terhad kepada sejenis bunyi atau medium, keanehan kolektif ini dapat dilihat menerusi usaha individu yang berpelbagai, seperti keluaran koleksi lagu *atmospheric trap* yang moody dan gelap, Amthakid; irama indie, P_NEDA; dan penciptaan kandungan dan penstriman langsung, Icametoyan. Yang menyatukan kumpulan ini bukanlah label genre tertentu, tetapi visi bersama untuk melahirkan ekspresi kreatif bebas dan kesediaan untuk merentasi antara tema gelap dan terang dengan lancar.

**Set 2: IRYB**
**Fizz Ghettomen**

Fizz Ghetto adalah seorang penyanyi rap yang mempunyai gaya ‘swag’ tersendiri dan telah meraih kejayaan sendiri sebagai seorang penyanyi rap dan usahawan. Beliau mengeluarkan single rap pertamanya, *Barang Panas* pada 2020, disusuli dengan persembahan di Esplanade dan Pusat Konvensyen Suntec City sebelum tempoh pemutus litar. Beliau kemudian menghasilkan single keduanya pada 2021, *Sempurne* dan *Teruskan*.

**Vina Varisha**
Vina Varisha yang dilahirkan pada 27 Januari 1998, mula kerjaya nyanyiannya sebagai ‘Youtuber’ pada 2014, menyanyikan lagu-lagu cover R&B dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Beliau menyertai sekolah vokal di Fame School of Music dan Vocal School di Sekolah Muzik Vokal Indra Aziz, Indonesia pada 2018.
Vina menjejaki industri muzik apabila beliau mengeluarkan single R&B pertamanya di Indonesia pada 2016.Vina membuat keputusan untuk mengeluarkan album mini berdikari pertamanya pada 2019 dengan single debut beliau, *Need You No More* dan *Thinking Of You*. Kini, Vina sudah pulang ke Singapura sejak 2020 dan telah berganding bersama Rauzan Rahman bagi single,album dan jingle terbaru mereka, *Ini Rauzan Yang Bikin*.

**Firwan Johan**
Penyanyi dan penulis lagu, Firwan Johan, telah membuat persembahan sejak 2006. Terlibat dalam komuniti hip hop yang pesat berkembang di Singapura, beliau telah membuat persembahan di acara-acara seperti Countdown Tahun Baru Heartland dan #BASEFOREWARDII di Teater Luaran Esplanade. Pada 2018, beliau dicalonkan sebagai Kumpulan Terbaik, Lagu Terbaik, dan Lagu Paling Popular di anugerah Anugerah Planet Muzik bersama rakan-rakannya. Firwan mengeluarkan lagu Inggeris rasmi pertamanya yang dipanggil *Had It Better*, yang mendapat penstriman paling banyak berbanding lagu asalnya yang lain.

**Set 3: B-Heart (Malaysia)**
Penyanyi rap B-Heart yang versatil telah membuat persembahan sejak 2009. Beliau mulanya sebahagian daripada kolektif, YMYFAM, yang semakin berkembang di Kuantan, Pahang, Malaysia. Beliau telah membuat persembahan untuk acara tempatan atau korporat di Konsert 16 Baris, Raising The Bar (RTB), Tempatan Fest dan banyak lagi.
Pada tahun 2020, beliau menandatangani kontrak bersama Sony Music dan bekerjasama dengan ramai penyanyi dan penyanyi rap seperti Amy Mastura, Ben Laden, Kid Khodi, Imran Ajmain, Malique Ibrahim, Rauzan Rahman, Kmy Kmo dan sebagainya. B-Heart mengeluarkan singlenya, *Bilang Mama* sebagai tanda beliau berkecimpung sebagai pemuzik di pasaran massa. Selain itu, lagu-lagu seperti *Emas*, *Woah*, *Kemana*, *Mata Hati*, *Marysia* dan *Dua Puluh* adalah lagu-lagu yang telah mendapat penstriman playback sebanyak melebihi 1 juta kali.

**DJ NADDZ (DJ untuk acara ini)**
NADDz, juga dikenali sebagai DJNADDZ telah berada di industri muzik selama sedekad. Bermula sebagai ‘bedroom DJ’, deejay yang tidak bermain di acara keramaian, NADDz perlahan-lahan mula bermain untuk kelab di Singapura. Ini membolehkan beliau mendapat pengiktirafan dan pengalaman di Singapura dan peringkat antarabangsa. Terkenal dengan tenaga & karisma yang menular, beliau tidak pernah gagal memukau pengunjung kelab dengan rentak muzik pilihannnya.

**Pentas 80-an**
oleh Zaibaktian, Shakhila Hamid & Yusman Umar
29 Mei, Ahad
7mlm, 8.15mlm & 9.30mlm
Teater Luar Esplanade




Saksikan persembahan tiga penyanyi Singapura, Zaibaktian bersama seniman veteran, Yusman Umar dan Shakhila Hamid, yang telah menyemarakkan suasana muzik pada tahun 1980-an. Mereka akan menghiburkan anda dengan lagu-lagu malar segar dari artis popular seperti Ella, Sudirman, M. Nasir, Alleycats dan ramai lagi. Ayuh, luangkan malam anda bersama muzik 1980-an!

Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Tentang Zaibaktian**
Sejak menghasilkan lagu single, 'Lelaki Baru', pada 2008, yang telah meraih beliau pencalonan di acara-acara anugerah setempat dan luar negara, Zaibaktian telah kekal menyemarakkan suasana muzik setempat sebagai seorang penyanyi dan penulis lagu, menulis dan mempersembahkan lagu-lagu untuk radio dan televisyen.

**Tentang Shakhila Hamid**
Setelah memenangi pertandingan nyanyian pada usia 18 tahun, Shakhila menjadi penyanyi utama band rok setempat, Yezz, dan membuat persembahan di konsert-konsert di sisi beberapa band terkenal di wilayah seperti Wings dan Iklim. Lagu hit Yezz berjudul *Bicara Rindu* dihasilkan pada 1987.

**Tentang Yusman Umar**
Yusman Umar memenangi tempat kedua dalam satu pertandingan nyanyian anjuran Perusahaan Penyiaran Singapura (SBC) pada tahun 1980-an. Beliau kemudian ditawarkan untuk membuat album kolaborasi bersama penyanyi Sakura Teng (Indonesia).

Pada 1981, beliau menandatangani perjanjian rakaman dengan IMI Malaysia. Beliau menghasilkan album penuh, terbitan penerbit terkenal, Razzi M, yang melahirkan lagu hit mega, *Jika Kau Sayang*, yang merupakan lagu malar segar hingga hari ini.

**Ceria! Sang Kanchil dan Buaya**
oleh Artistari Gentari
28 & 29 Mei, Sabtu & Ahad
Sat: 3.30ptg & 4.30ptg
Sun: 3.30ptg & 4.30ptg*
Teater Luar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Kanchil dan kawan-kawannya, Tupai, Arnab dan Katak berasa lapar. Manusia telah menebang pokok-pokok di dalam hutan untuk keperluan mereka dan haiwan-haiwan di hutan berasa lapar, tanpa tempat tinggal. Kanchil ternampak sebuah hutan seberang sungai yang mempunyai kacang-kacang dan buah-buahan yang boleh menjadi tempat tinggal baru mereka. Namun, sungai itu penuh dengan buaya yang lapar.

Kanchil pun mencari jalan supaya ia dan kawan-kawan dapat ke seberang sungai. Tetapi, bagaimana?

Ayuh, ketahui dalam drama tari menarik ini, Sang Kanchil dan Buaya!

Sang Kanchil kekal menjadi cerita rakyat kegemaran di Asia Tenggara. Dalam versi menarik ini, Sang Kanchil memperdayakan sekeluarga buaya untuk menyelamatkan kawan-kawannya daripada kelaparan di samping menimba pelajaran berharga. Penerbitan ini menggabungkan seni tarian dan drama sambil mengajak penonton menurut serta. Ia adalah hasil kerjasama pengarah-pempengaruh, Hafidz Rahman, dengan arahan seni oleh Bada Hassan.

Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Tentang Artistari Gentari**
Artistari Gentari (ATG) adalah satu kumpulan tarian belia, tidak mengaup keuntungan, yang menggabungkan teknik tarian Melayu dengan dorongan kontemporari. Sejak 2013, ATG telah memimpin golongan belia untuk bersama-sama mencipta, membangun dan menerokai pelbagai peluang dalam seni persembahan dan mengajak belia bekerjasama dengan para profesional dalam industri seni dan media Singapura. ATG telah membuat persembahan untuk program televisyen, saluran Mediacorp Suria dan pernah terlibat dalam Pesta Raya Esplanade serta Perbarisan Hari Kebangsaan 2019. Kumpulan tari ini juga telah menyertai acara antarabangsa

seperti Festival Seni Belia Antarabangsa China dan Rapsodi 2018 yang diadakan di Brunei Darussalam. ATG tampil sebagai pasukan paling muda untuk memegang jawatan, Arahan Artistik untuk Perarakan Chingay 2020, dan memenangi 'Kontinjen Paling Meriah' pada 2020.

**Malam Seram – The Horror Talk Show Live**
oleh KC Champion menampilkan Hafidz Rahman dan Hafiz Hadi (Singapura & Malaysia)
26 Mei, Khamis
7.30mlm: KC Champion*
8.30mlm: Hafiz Hadi*
9.30mlm: Hafidz Rahman*
(30minit)
Ruang Legar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*




Ikuti KC Champion bersama tetamu undangannya dari Malaysia, Hafiz Hadi (terkenal dengan saluran YouTube, *The Segment*) serta Hafidz Rahman dari Singapura (terkenal dengan rancangan podcast, *The Podcast*).

Jom sembang sambil mendengar kisah-kisah seram bersama KC Champion dan rakan-rakannya dengan iringan kesan bunyi dan muzik yang mendebarkan.

Persembahan dalam Bahasa Melayu

## Relek-Tronika

oleh defø rmed x Syarfa Shahiran
27 Mei, Jumaat
7.30mlm, 8.30mlm* & 9.30mlm
Ruang Legar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*




Relek-Tronika memaparkan satu gabungan eksperimental antara pemuzik elektronik, Hakim defø rmed dan pemain perkusi, Syarfa Shahiran, di mana mereka akan menyampaikan muzik fusion pos moden serta bunyi vokal elektronika.

Persembahan dalam Bahasa Melayu.

### Tentang deformed

defø rmed adalah seorang penerbit muzik berasaskan elektronik. Disifatkan sebagai seorang yang “menyegarkan, liar dan sangat imaginatif”, beliau ingin menampilkan identiti muzik baru di Singapura. Pengaruh muzik beliau merangkumi pelbagai gaya muzik seperti elektronik, traditional, akustik, experimental and muzik permainan video.

### Tentang Syarfa Shahiran

Syarfa Shahiran telah bermain genderang dan dram sejak 2005. Syarfa telah membuat pelbagai persembahan setempat dan telah bergabung dengan Fuerza Bruta (Brazil), N’faly Kouyate (Afrika) dan Dudu Tucci (Brazil). Syarfa kini aktif bermain dram dan membuat persembahan bersama Bloco Singapura, Nadi Singapura dan Djembe Singapore.

Selain terlibat dalam persembahan, Syarfa Shahiran juga mempunyai pengkhususan dalam reka bentuk set, pembinaan set, kerja-kerja pertukangan dan pemprograman pencahayaan atau terlibat dalam jabatan seni untuk pembuatan filem atau menjadi penolong penerbit bagi teater atau sembarang karya pementasan.

## Irama Atas Puisi

oleh Hidayat Nordin, Faris Z, Munnawarah, YoungKingz, Hidayat Hamidon, Irfan & Aisyah Lyana
28 Mei, Sabtu
7.30mlm, 8.30mlm & 9.30mlm (30minit)
Ruang Legar Esplanade




Dari pop, hip hop, rok moden dan juga muzik tradisional, persembahan *Irama Atas Puisi* akan menghidangkan anda pelbagai genre muzik dari karya-karya puisi tulisan penyair seperti Aisyah Lyana, Aqmal N, Hidayat Nordin dan Shahril Samri dengan sokongan pemuzik - Faris Z dan Hidayat Hamidon dan pemain gendang, Irfan. Dengarkan Aisyah Lyana mendeklamasi puisi, disusuli dengan lagu rentak pop moden bagi karya puisi yang sama gubahan Hidayat Nordin/Yunie Karim.

Nikmati persembahan duet tradisional oleh Hidayat dan Munnawarah yang menyanyikan sebuah lagu tulisan Sharil Samri dan gubahan Aqmal N.
Kemudian, dengarkan interpretasi rok pop Hidayat Nordin terhadap puisi Aqmal N .
Mari menari dalam persembahan hip hop bertenaga YoungKingz yang turut menampilkan Erwin Shah Dawson dan YK, di mana mereka akan menghidupkan karya puisi Hidayat Nordin.

Persembahan dalam Bahasa Melayu

**About Hidayat Nordin**
Hidayat Nordin, 35, merupakan seorang artis multi disiplin, penyanyi serta penulis dan penggubah lagu. Beliau telah aktif melibatkan diri dalam bidang seni persembahan, sastera dan media sejak di bangku sekolah lagi. Beliau telah meraih pelbagai anugerah dan pencalonan sebagai seorang penulis dan penggubah lagu, berkerjasama dengan beberapa artis dari Malaysia dan Singapura serta membuat persembahan, antaranya acara *Countdown 2017* di Damansara, Malaysia.

**Tentang Youngkingz**
YoungKingz terdiri daripada empat individu berlainan - Erwin, YK, Kiddosick dan DJ Firmix - dipimpin oleh Erwin Shah Dawson dan YK. Erwin, seorang pelakon, juga telah menghasilkan beberapa rakaman muzik, antaranya bersama bintang filem, Diana Danielle.

Terkenal dalam industri muzik Singapura, YK baru-baru ini menyanyikan cover bagi satu lagu viral Thailand dan lagu nyanyian YK juga telah menjadi viral.

**Tentang Faris Z**

Faris Z telah membuat persembahan sebagai penyanyi dan gitaris utama sejak 2004 pada usia 14 tahun, sehingga persembahan terakhirnya dalam sebuah band pada 2012.

Dengan pengalaman luasnya dalam bidang muzik, Faris telah mengembangkan repertoir beliau selama bertahun. Beliau kini terlibat dalam beberapa projek korporat seperti menerbitkan *jingle* radio dan lagu-lagu tema kempen. Faris juga telah terlibat dalam industri kreatif sejak 2013. Beliau telah bekerja sebagai editor video di sebuah syarikat penerbitan dan juga sebagai pembekal kandungan untuk penerbitan TV dan video.

**Tentang Munnawarah**

Munnawarah Alkaff mula menyanyi sejak kecil lagi sewaktu beliau melibatkan diri dengan kumpulan bangsawan. Beliau kemudian membuat persembahan bersama beberapa kumpulan muzik tradisional dan kini juga merupakan anggota kumpulan koir DC, sebagai penyanyi latar buat TV dan pementasan.

**Wayang Kulit**
oleh Sri Setia Pulau Singa
29 Mei, Ahad
7.30mlm* & 8.30mlm* (30minit)
Ruang Legar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Diiringi alunan bunyi serunai dan paluan gendang secara langsung, Sri Setia Pulau Singa akan mempersembahkan kisah ‘Singapura Dilanggar Todak’ dalam bentuk wayang kulit, sejenis persembahan bayangan boneka tradisional..

Persembahan dalam Bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris

**Tentang Sri Setia Pulau Singa**
Sri Setia Pulau Singa, sebuah kumpulan wayang kulit yang diberi nama oleh Pak Soh, telah ditubuhkan pada 26 Mac 2012.

Berlatar belakangkan dikir barat, anggota Seri Setia Pulau Singa memupuk minat mendalam terhadap satu lagi seni tradisional Kelantan iaitu wayang kulit. Sri Setia Pulau Singa menjalani latihan di bawah bimbingan Pak Soh dan bermatlamat memaparkan seni wayang kulit Kelantan kepada peminat seni kebudayaan di Singapura.

**Wow, Bulan! – Penceritaan Kanak-kanak**
oleh Kelana Purba
28 & 29 Mei, Sabtu & Ahad
Sabtu: 3ptg & 4ptg*
Ahad: 3ptg & 4ptg
(30minit)
Ruang Legar Esplanade
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Ayuh ikuti satu perjalanan yang dipenuhi dengan keajaiban dan kehairanan! Seorang budak lelaki mengetahui maksud sebenar di sebalik “hadiah” dengan bantuan teman-teman dan pembantu beliau yang tidak kurang ajaibnya. Satu format penceritaan-dikir interaktif yang penuh tenaga dan menyeronokkan. Ada banyak peluang buat penonton menurut serta.

Persembahan dalam Bahasa Melayu

**Tentang Kelana Purba**
Kelana Purba adalah sebuah kumpulan dikir barat dan dikenali sebagai salah satu kumpulan terkemuka dalam suasana dikir barat di SIngapura sejak 1990.
Kumpulan yang telah meraih pelbagai pengiktirafan dan kemenangan ini mempunyai ramai pengikut di kalangan belia Melayu dan peminat dikir barat di Singapura.
Kelana Purba juga terkenal dengan usaha mereka untuk mempertingkatkan lagi persembahan artistik mereka melampaui batas dengan memperkenalkan dan menggabungkan elemen-elemen kreatif dan baru dalam persembahan mereka, di samping mengimbangi seni tradisional.

**TRANSLATEKAN**
oleh Mahfuz Mazlan
Tayangan perdana pada 26 Mei, Khamis, 8.30 mlm
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*




Elia terjumpa sebuah buku sajak yang ditulis oleh neneknya. Namun, amat sukar bagi Elia memahami apa yang tertulis dalam buku itu.

Setelah meminta ibunya menterjemahkan isi buku itu, Elia dapat mengupas erti yang tersirat dalam sebuah sajak yang dikarang khas untuknya.

Dibintangi J. Rosmini, Suhaillah Salam & Bella Putri.

Filem dalam bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris.

**Tentang Mahfuz Mazlan**
Mahfuz adalah seorang pereka konsep, penulis dan pengarah. Antara projek cemerlangnya termasuk *Shahrukh & Warsan*, yang dicalonkan untuk Drama Kanak-kanak Asing Terbaik di anugerah International Emmys pada 2019 dan *Bantal Buruk Saloma*, yang mendapat jumlah pencalonan paling banyak bagi anugerah Pesta Perdana 2019. Mahfuz juga menulis, mengarah dan menerajui drama *Kultus*, yang telah memenangi Lakon Layar Asli Terbaik (Nasional) di Anugerah Kreatif Akademi Asia 2019 serta Drama Terbaik dan Arahan Terbaik di Pesta Perdana 2021.

**Rumah, Rahim, Mahkota** (Home, Womb, Crown)
oleh Kamila Andini (Indonesia)
Tayangan perdana pada 26 Mei, Khamis, 8.30 mlm
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Kala saat tenteram di dalam sebuah ruang domestik, para wanita mencari cara untuk menguraikan diri menerusi gerakan rambut dan teksturnya.

*Rumah, Rahim, Mahkota* adalah sebuah filem tari yang menyelongkar kewanitaan dan pembebasan, menyoal tempat seorang wanita di dalam dan di luar sebuah rumah.

Filem dalam bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris.

**Tentang Kamila Andini | Pengarah**
Kamila Andini adalah seorang penulis skrip dan pengarah filem dengan perspektif tanpa sepadan berkenaan sinema. Beliau mengeluarkan filem pertamanya pada 2011 bertajuk *The Mirror Never Lies*, yang telah ditayangkan di melebihi 40 festival dan meraih melebihi 15 anugerah. Dua filem pendeknya, *Following Diana* dan *Memoria* menerokai perspektif wanita di kawasan bandar Jakarta dan di tempat-tempat perkampungan Timor Leste.

*The Seen and Unseen* adalah filem keduanya, dan ia telah dinotbatkan sebagai filem feature terbaik di Berlinale Generation Kplus. Keprihatinannya terhadap seni dan budaya sosial, kesaksamaan jantina dan isu-isu persekitaran membolehkan beliau mencipta perspektif tersendiri dalam menyampaikan cerita.

**Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas**
oleh Zizi Azah & Helmindra JA Halim
Tayangan perdana pada 26 Mei, Khamis, 8.30 mlm
**boleh ditonton secara online sehingga 12 Jun 2022, 11.59 malam*



Dari generasi ke generasi: Semasa membesar, Alana Daud mempelajari tentang semua fesyen kebaya Melayu daripada ibunya. Kini, beliau berkongsi tentang keindahan warisan ini bersama anak remajanya.

*Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas* memandang intim terhadap hubungan antara generasi, warisan kebudayaan dan fesyen.

Filem dalam bahasa Melayu dengan sarikata Inggeris.

**Tentang Helmindra JA Halim – Pengarah**
Pembikinan filem sudah menjadi perkara turun-temurun dalam keluarga Helmindra. Sebagai anak kepada pelakon dan pembuat filem mapan Singapura, allahyarham J.A. Halim, Helmindra pernah berlari di dewan-dewan Panggung Victoria semasa kecil dan membesar, melihat fasa dunia hiburan yang berbeza di Singapura. Beliau adalah seorang yang versatil dan prihatin terhadap perincian, menjadikan karya hasilnya seronok untuk ditonton. Beliau percaya menerusi karyanya, beliau dapat memaparkan niat baik dan keikhlasannya.

**Tentang Zizi Azah – Konsep dan penulis drama**
Zizi Azah adalah seorang penulis drama, di mana karyanya menyokong kemanusiaan bersama. Antara karya pementasannya termasuk *They Came In The Night* (Festival Pipeline WP Theatre, NYC), *How To Gild An Eagle* (Finalis, Columbia@Roundabout); *Return To Fall* (Finalis, Anugerah Penulisan Drama Blue Ink (Chicago); Finalis Separuh Akhir Persidangan Penulisan Drama Nasional O'Neil; Finalis Separuh Akhir Festival Penulisan Drama Bay Area; *Being In Time* (Festival Seni Hak Kemanusiaan Antarabangsa, NYC), *Coast* (Aksi Teater Perubahan Iklim, NYC), *How Did The Cat Get So Fat?* (dicalonkan Karya Terbaik, Anugerah Teater Life!, Singapura) dan *Yusof* (Pesta Raya 2015, Singapura). Zizi pernah menjadi Pengarah Artistik

Teater Ekamatra (Singapura) dan meraihkan pelbagai anugerah sepanjang pimpinannya. Beliau juga telah diberikan Anugerah Artis Muda (NAC, Singapura), dan pernah menjadi anggota penulis drama, Playwright Fellow di Lab 2020-2022, WP Theatre, New York City. Beliau kelulusan Sarjana dalam Seni Halus dari Universiti Columbia dan kini seorang jurulatih drama di Universiti Syracuse.